

SOALAN NO. 55**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menghalang pemindahan pengundi ke lot rumah yang tidak wujud dan apakah alasan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyekat pembekalan cakera padat RDPT kepada parti politik.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menghalang penipuan sekiranya wujud, berdasarkan kepada Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, semasa urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) dijalankan di tempat-tempat yang telah diwartakan sebagai tempat pameran, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati setelah semakan dibuat boleh membuat tuntutan atau bantahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Mesyuarat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Kali Ke-773 pada 28 Mac 2017 telah memutuskan bahawa buku dan cakera padat RDPT tidak lagi diedarkan kepada parti-parti politik mulai pameran RDPT bagi Suku Tahun Pertama Tahun 2017. Keputusan ini dibuat memandangkan terdapat proses pameran yang membolehkan pihak berkepentingan memeriksa nama-nama pemohon yang terlibat. Walau bagaimanapun, pemberhentian amalan ini tidak menghadkan akses pihak-pihak berkepentingan kepada RDPT dan dalam masa yang sama, tiada keperluan perundangan untuk SPR melaksanakan amalan tersebut.

Sekian, terima kasih.